

BIL		TARIKH	SURATKHABAR
1	GRADUAN BERGELUT CARI KERJA TETAP	1 JUN 2022	UTUSAN MALAYSIA
2	IPT PERLU TERAP SISWA SIKAP JUJUR AMANAH	15 JUN 2022	BERITA HARIAN
3	MEMUPUK BUDAYA MEMBACA	16 JUN 2022	SINAR HARIAN
4	SUBURKAN MINAT KEUSAHAWANAN GRADUAN	17 JUN 2022	BERITA HARIAN
5	PROGRAM DERMASISWA TVET UNTUK PELAJAR B40	21 JUN 2022	BERITA HARIAN
6	POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN CIPTA JAM MATAHARI	21 JUN 2022	SINAR HARIAN
7	TIDAK PERLU GAJIKAN RAMAI PEKERJA	21 JUN 2022	SINAR HARIAN
8	BEKAS JURUTERA ELEKTRIK TAK MENYESAL JADI PETANI	24 JUN 2022	UTUSAN MALAYSIA
9	PELAJAR IPT BANYAK JADI MANGSA	30 JUN 2022	KOSMO

1 JUN 2022

UTUSAN | GRADUAN BERGELUT CARI KERJA TETAP | MS 4

4

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 1 JUN 2022

Dalam Negeri

Terpaksa bersaing dengan mereka yang hilang kerja, berpengalaman

Graduan bergelut cari kerja tetap

Oleh AZMI NORDIN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Graduan yang menerima skrol pada tahun 2019 hingga 2021 masih bergelut untuk mendapatkan pekerjaan tetap dan terpaksa melakukan kerja sambilan yang ditawarkan demi kelangsungan hidup.


Selain kekurangan peluang kerja, mereka perlu bersaing dengan golongan yang kehilangan kerja semasa pandemik dan juga graduan-graduan lain.

Dianggarkan antara 300,000 hingga 400,000 graduan sekurang-kurangnya memiliki diploma keluar daripada institusi pengajian tinggi setiap tahun.

Mengikut statistik terbaharu, Kementerian Sumber Manusia pula, 227,300 daripada 711,000 penganggur berusia 20 ke 24 tahun dan diikuti kumpulan usia 25 ke 29 tahun yang merekodkan 160,800 penganggur.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, lepasan diploma automotif, Amir Zamjuri, 23, berkata, gaji yang ditawarkan untuk kelulusan diploma lebih rendah daripada upah kerja sambilannya.

"Sekarang sebagai penghantar makanan sahaja boleh dapat sehingga RM3,000 sebulan, ka-



GRADUAN kini berdepan dengan persaingan sengit termasuk dari kalangan mereka yang diberhentikan kerja semasa pandemik Covid-19 untuk mendapatkan pekerjaan tetap yang setara dengan kelulusan mereka.

lau ikutkan gaji minimum yang ditawarkan ikut kursus yang dipelajari paling tinggi boleh diperolehi adalah RM2,000.

"Perancangan untuk mendapatkan kerja tetap itu ada, mungkin saya akan sambung pelajaran untuk mendapatkan

gaji yang lebih tinggi, tawaran gaji tidak berbaloi dengan kos sara hidup sekarang, buat masa sekarang saya teruskan dengan kerja ini," katanya.

Memahami kehendak semasa, graduan universiti awam tahun 2019, Azmina Nordin, 26,

kini mengikuti kelas kemahiran sebagai usaha mendapatkan pekerjaan tetap.

"Saya pelajar jurusan sains politik sukar mendapatkan tempat dalam bidang yang saya pelajari, sehingga kini juga saya masih menghantar *resume* ke

beberapa syarikat untuk mendapatkan pekerjaan yang tetap.

"Tidak cukup dengan ijazah diperoleh sekarang, saya juga ada ambil inisiatif untuk turut serta kelas tambah kemahiran di Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera bagi menambahkan kemahiran lain untuk 'dijual' sewaktu temuduga nanti," katanya.

Sementara itu, graduan yang diberhentikan sewaktu pandemik, Wan Ilisiema Zakirah, 26, kini lebih selesa dengan bisnes yang dimilikinya berbanding kerja di bawah arahan majikan.

"Alhamdulillah, saya lebih suka kerja sendiri berbanding kerja tetap, saya tidak suka terikat dengan mana mana syarikat dan lebih suka ikut masa sendiri, bagi saya kerja sendiri lebih lumayan dan berbaloi dengan hasil penat lelah," katanya.

Dalam pada itu Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd. Izzat Afifi Abd. Hamid berkata, tidak semua belia yang menganggur adalah mereka yang memilih kerja.

"Isu pengangguran ini turut berkait dengan isu padanan kerja dan isu kerja yang tidak sesuai dengan tahap kelulusan," kata beliau.

15 JUN 2022

BH | IPT PERLU TERAP SISWA SIKAP JUJUR AMANAH | MS 2

2

Nasional

Rabu, 15 Jun 2022 BH

IPT perlu terap siswa sikap jujur, amanah

Penekanan elemen mampu perkukuh integriti nasional, etika amalan kerja baik

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, mahu semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini menerapkan elemen kejujuran, amanah dan integriti ke dalam setiap jiwa mahasiswa.

Baginda yang juga Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) bertitah, usaha memperkukuhkan integriti nasional dan etika amalan kerja yang baik oleh semua warganegara, perlu


dipupuk serta dibentuk pada setiap bilik dan dewan syarahan IPT.

"Pembudayaan integriti perlu wujud dalam setiap jiwa dan sanubari rakyat Malaysia, bermula daripada bangku sekolah dan terus ditanam serta diperkasakan ketika di menara gading.

"Sestungguhnya, prasyarat bagi kejayaan sesebuah negara bergantung pada masyarakat dan tenaga kerja yang jujur, amanah serta berintegriti," titah baginda pada Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-93 di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam, di sini, semalam.

Turut berangkat ke majlis itu, Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Al-Sultan Abdullah turut menasihati graduan supaya sentia-



Al-Sultan Abdullah berkenan menyempurnakan pemasyhuran Tengku Permaisuri Norashikin sebagai Pro-Canselor UiTM yang baharu pada Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-93, di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

sa merebut segala peluang pekerjaan yang ada, selain berusaha ke arah kebaikan dan bersikap jujur.

Baginda bertitah, agama Islam dan semua agama di dunia mengutuk serta mencela amalan rasuah kerana ia bagaikan barah yang boleh menghancurkan sebuah tamadun.

"Sejarah kerap membuktikan

jatuh atau banggunya sesebuah negara berkait rapat dengan sikap jujur, amanah dan integriti, seperti di dalam catatan sejarah Melayu 'Sulatus Al-Salatin'.

"Tun Sri Lanang meriwayatkan bagaimana runtuhnya kerajaan Melaka yang terbina ratusan tahun lamanya, akibat perbuatan rasuah Bendahara Seri Maharaja," titah baginda.

Al-Sultan Abdullah bertitah, arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan bukan hanya membawa kesan kepada ekonomi, tetapi juga pelbagai impak dari segi sosiobudaya.

"Tanpa kita sedari, fenomena ini turut meninggalkan kesan kepada sifat terpuji dan nilai moral sesuatu masyarakat," titah baginda.

16 JUN 2022

SH | MEMUPUK BUDAYA MEMBACA | MS 17

SINAR HARIAN • KHAMIS 16 JUN 2022

CETUSAN | 17

Memupuk budaya membaca



DR ANIS YUSAL YUSOFF

Saya harus memulakan kolom ini dengan mengucapkan syabas dan tahniah kepada rakan lama, Mohd Khir Ngadiron, Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan pasukan beliau atas penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada tahun ini yang sangat meriah dan hebat.

Sudah agak lama saya tidak merasai suasana seperti mana yang saya alami ketika melawat PBAKL baru-baru ini. Kali terakhir mungkin lebih 25 tahun lalu ketika saya hadir di Pesta Buku Frankfurt yang memang terkenal sebagai pesta buku terbesar di dunia.

Kalau suasana meriah di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada minggu lalu boleh dijadikan ukuran, kita masih mempunyai harapan sebagai sebuah negara yang membangun. Harapan untuk melihat generasi muda hari ini yang akan terus memupuk minat tinggi untuk membaca. Harapan untuk melihat ibu bapa hari ini akan terus sanggup mengorbankan duit demi ilmu untuk anak-anak mereka dan harapan melihat industri penerbitan kita kembali gemilang, kedai-kedai buku kembali terang bercahaya dan perpustakaan kita

dipenuhi dengan pengunjung.

Saya harap harapan ni tidak tinggal harapan. Usaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia ini harus disambut oleh semua pihak. Kita perlu adakan pesta buku kecil-kecilan di setiap pekan dalam negara kita. Setiap perpustakaan awam negeri perlu gerakkan setiap perpustakaan desa dan perpustakaan bergerak untuk dimobilisasikan sepenuhnya agar semangat membaca ini tidak hanya timbul setahun sekali di PBAKL tetapi terus hidup mekar sebagai satu budaya dan resam rakyat negara ini.

Bagi rakyat di kampung yang tidak mampu datang ke PBAKL, apatah lagi untuk berbelanja membeli buku, di sinilah peranan perpustakaan awam negeri untuk mengagihkan buku-buku baharu yang dibeli untuk bacaan rakyat di seluruh negara. Kalau perpustakaan desa kurang dana untuk membeli buku, mungkin masanya untuk pusat-pusat pungutan zakat boleh menggunakan hasil kutipan zakat untuk membeli buku buat bacaan asnaf.

Saya tidak pasti dari sudut hukumnya menggunakan wang zakat untuk membeli buku bagi kegunaan dan bacaan golongan asnaf yang disimpan di perpustakaan. Tetapi saya pasti ini akan menjadi asnaf Fisabilillah yang manfaatnya bukan sekadar asnaf fakir miskin sahaja. Kita sedar bahawa membaca itu satu amalan yang mulia dan dituntut di dalam agama. Melalui amalan membaca kita akan memperoleh ilmu. Menuntut ilmu itu adalah satu kefarduan

bagi setiap Muslim.

Masa seperti ini kita perlu fikir semula konsep kebajikan dalam Islam melalui zakat, wakaf, infak dan sedekah. Inilah masanya untuk kita galakkan mereka yang mempunyai banyak buku untuk diwakalkan kepada perpustakaan buat bacaan orang awam. Orang yang ada duit pula digalakkan untuk menginfak dan memberi sedekah dalam bentuk buku kepada yang memerlukan. Yang penting semua pihak memainkan peranan agar budaya membaca dalam kalangan rakyat terus berkembang.

Kempen membaca, tidak kira sama ada membaca buku atau al-Quran jangan hanya dibuat secara bermusim sahaja. Ia harus dilaksanakan secara berterusan.

Minat membaca dalam kalangan rakyat akan membantu menghidupkan industri penerbitan negara. Secara tidak langsung ia juga akan menggalakkan penulis untuk berkarya tidak kira apa genrenya. Yang penting kita dapat melihat rakyat negara ini mempunyai minat untuk membaca. Kalau dulu kita merasa sedih apabila dilaporkan bahawa rakyat Malaysia hanya membaca separuh muka surat setahun. Hari ini kita boleh berbangga kerana kita dapat melihat peningkatan daripada kajian Perpustakaan Negara Malaysia tahun 2005 yang mendapati rakyat Malaysia hanya membaca dua naskhah buku setahun kepada 15 naskhah setahun dalam kajian 2014. Saya pasti kalau ada kajian terkini jumlahnya akan lebih da-

ripada 15 naskhah namun kita masih jauh untuk sebaris dengan negara maju di mana purata rakyat mereka membaca 40 naskhah setahun.

Apapun, ini adalah permulaan yang baik. Momentum yang dimulakan di PBAKL 2022 ini harus diteruskan. Aktiviti seperti diskusi buku, bincang buku atau kupasan buku yang diadakan di pelbagai sudut dan reruai PBAKL boleh diteruskan di perpustakaan-perpustakaan negeri.

Saya berharap sahabat-sahabat saya Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Negeri akan mendapat sokongan daripada Majlis Buku Kebangsaan Negara dan juga Perpustakaan Negara Malaysia untuk mereka merealisasikan Dasar Galakan Membaca Negara di peringkat negeri. Mungkin juga semua pihak ini dan pihak berkepentingan lain dapat duduk bersama membincangkan keperluan mengemaskini dasar galakan membaca kebangsaan yang diperuntukkan dalam Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 supaya ia lebih terkini dengan teknologi dan perkembangan semasa.

Semoga Malaysia satu hari nanti akan menjadi sebuah negara dengan rakyatnya yang mempunyai minat membaca yang tinggi setanding dengan negara-negara maju.

** Datuk Dr Anis Yusal Yusoff adalah Felo Utama di KITA, UKM. Beliau pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia, dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM*

BERITA HARIAN

17 JUN 2022

BH | SUBURKAN MINAT KEUSAHAWANAN GRADUAN |

Suburkan minat keusahawanan graduan

Oleh Dr Sharul Azlan Maulod
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah
Jabatan Pengurusan
Perniagaan,
Kolej Profesional
MARA Beranang

Keusahawanan sering diungkapkan sebagai menjalankan perniagaan untuk keuntungan. Namun, keusahawanan bukan semata-mata bermatlamatkan keuntungan.

Ada banyak proses perlu dilalui dalam menempuhi liku keusahawanan kerana membabitkan proses secara langsung dan tidak langsung.

Proses secara langsung dalam keusahawanan seperti pengurusan modal yang cecap, pemasaran tepat, produk atau perkhidmatan sentiasa mendapat tempat di hati pelanggan dan strategi berterusan.

Proses tidak langsung dalam keusahawanan pula seperti menganalisis persekitaran perniagaan, peka terhadap isu global mempengaruhi perniagaan, persaingan dalam perniagaan dan perubahan teknologi.

Oleh itu, mereka yang terbabit dalam keusahawanan harus mendepani proses dan cabaran ini dengan penuh keazaman serta motivasi tinggi.

Ramai usahawan tewas apabila berhadapan situasi tidak terurus dan akhirnya rebah dalam perniagaan. Bagi yang cecak, akan terus melakar kejayaan demi kejayaan diusahakan dalam perniagaan masing-masing.

Usahawan juga harus memiliki hati dan jiwa kental bagi meneruskan perniagaan mereka. Jatuh bangun dalam perniagaan adalah lumrah dalam perniagaan.

Syarikat terkemuka berusia lebih 100 tahun juga sentiasa mengemas kini tindakan dan tidak

duduk diam dalam memastikan perniagaan mereka kekal relevan.

Keusahawanan banyak mengajar erti sebenar kehidupan. Tidak semua benda atau perkara dalam dunia yang usahawan mahukan datang bergolek.

Semuanya bergantung kepada psaha sendiri. Sebagai contoh, jika seseorang ingin memiliki kereta mewah, maka usaha berlipat ganda perlu dilakukan dan tidak berpeluk tubuh menantikan 'bulan jatuh ke riba'.

Jika seseorang usahawan menginginkan keuntungan besar dalam perniagaan, ia menuntut pengorbanan yang bukan sedikit. Keuntungan diperolehi pada masa ini pula belum tentu menjamin keuntungan masa hadapan.

Maka, usahawan tidak boleh sekali-kali ber-

puas hati dan berada dalam zon selesa selama-lamanya. Kegemilangan, kejayaan dan kekayaan dalam perniagaan sering dipaparkan dalam sosial media harus disyukuri dan dijadikan motivasi jika berminat menceburi bidang keusahawanan.

Namun, perkara itu bukan menjadi ukuran utama. Kelebihan menjadi usahawan harus dilihat dalam skop lebih besar antaranya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, peluang bersedekah lebih meluas dan kemampuan menyumbang kepada negara.

Oleh itu, graduan pada masa kini perlu merebut peluang menceburkan diri dalam keusahawanan. Memiliki kelulusan pengajian tinggi bukan lagi kriteria atau prasyarat bagi mendapat jawatan besar dalam organisasi.

Jika mengambil kira faktor pengangguran tinggi dan peluang pekerjaan semakin menguncup, graduan harus mengambil peluang menggunakan segala ilmu dan kemahiran yang ada jika mahu berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Sebagai contoh, graduan perubatan mampu membuka klinik, farmasi atau pusat rawatan kecantikan, manakala graduan pertanian berkebolehan menceburi bidang pertanian dan penternaan.

Ada pelbagai bidang atau industri boleh diceburi graduan, tetapi harus terus menimba sebanyak mungkin ilmu berkaitan keusahawanan supaya bidang perniagaan diceburi sentiasa malar segar dan dapat memenuhi permintaan semasa.

Graduan perlu sedar pihak berwajib dan pelbagai institusi kewangan turut aktif membuka peluang bagi mereka menjalani kursus atau pinjaman perniagaan.



Graduan harus menimba sebanyak mungkin ilmu keusahawanan bagi memastikan mereka dapat kekal bersaing dalam perniagaan diceburi.
(Foto hiasan)

Program Dermasiswa TVET untuk pelajar B40

Pengambilan pertama babit 1,000 mahasiswa dengan jangkauan kos RM36.41 juta

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan bersetuju melaksanakan Program Dermasiswa B40 Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), khusus untuk pelajar daripada keluarga B40 dengan pengambilan pertama membabitkan 1,000 orang, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, program itu disediakan untuk pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Pengambilan pertama akan membabitkan 1,000 pelajar dan kerajaan menjangkakan program ini membabitkan implikasi kewangan berjumlah RM36.41 juta bagi setiap pengambilan.

"Saya yakin, program ini menawarkan lebih banyak peluang kepada anak Keluarga Malaysia, terutamanya daripada kumpulan B40 mendapat akses pendidikan di peringkat lebih tinggi, seterusnya membina kerjaya dalam bidang TVET," katanya berucap menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022, di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini semalam.

Yang turut hadir; Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunied.

Ismail Sabri berkata, beliau mahu melihat sekurang-kurangnya 55 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian dalam program TVET menjelang 2025, seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Sehubungan itu, katanya, aspek akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan program TVET harus ditambah baik dengan pendedahan perlu dilaksanakan seawal usia muda supaya mereka lebih celik mengenai potensi laluan kerjaya TVET.

"Bilangan pelajar aliran vokasional dan teknikal di negara



Ismail Sabri melancarkan Buku Penjenamaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pada Majlis Perasmian Minggu TVET Negara (MTN) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

maju adalah tinggi. Di Jerman misalnya, TVET dianggap antara satu sistem pendidikan utama, sehingga 70 peratus pelajarannya memasuki aliran vokasional. Senario ini juga terdapat di negara maju di Asia seperti Korea Selatan yang berjaya bangkit dengan pantas daripada kemusnahan perang untuk muncul sebagai kuasa besar ekonomi hasil penguatkuhan pendidikannya termasuk bidang TVET," katanya.

Dengan menjadikan dua negara berkenaan sebagai contoh, beliau berkata, amat signifikan untuk kerajaan menetapkan TVET sebagai antara perkara yang perlu diberikan keutamaan bagi memacu pembangunan ekonomi negara.

"Justeru, pelbagai strategi digariskan termasuk menangani isu pertandingan dan merombak tadbir urus TVET, mempromosi jenamanya, selain meningkatkan kualiti program dan mewujudkan pangkalan data. Kerajaan turut memperkukuhkan penawaran program berorientasikan industri dan memperhebatkan pembabitan industri secara aktif

bagi menyediakan graduan yang menepati keperluan mereka," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menjelaskan, biarpun kesedaran orang ramai terhadap pekerjaan sektor TVET yang memerlukan kemahiran spesifik dan menawarkan sumber pendapatan tinggi sudah meningkat, tetapi belum mencapai tahap yang disasarkan.

"Dalam usaha memperkasakan TVET, penjenamaan dan reputasinya perlu dipertingkatkan dan ini memerlukan usaha lebih jitu bagi mengukuhkannya secara holistik. Justeru, anjakan paradigma mesti dilakukan bagi meningkatkan persepsi positif dengan sokongan ibu bapa, belia dan industri terhadap TVET," katanya.

Selain itu, Ismail Sabri juga turut mengisytiharkan tarikh 2 Jun sebagai Hari Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negara.

Perdana Menteri berkata, pemilihan tarikh itu wajar disambut setiap tahun bagi menghargai sumbangan pelbagai pihak berkaitan TVET.

"Tarikh ini juga bersempena penubuhan Politeknik Ungku Omar, iaitu institusi penyedia TVET terawal negara sejak tahun 1969," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, agenda Pemerkasaan TVET yang diterajui Majlis TVET Negara (MTVET) menggariskan beberapa inisiatif yang berimpak besar dan strategik.

Katanya, antara yang berjaya direalisasikan ialah pewujudan Hab Kolaborasi TVET (TCH) dan penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC).

"Hari ini (semalam), satu lagi pencapaian bakal dicipta, iaitu pelancaran Pelan Penjenamaan TVET Nasional dan penganjuran Sambutan Minggu TVET Negara yang juga antara tindakan dalam Pelan Penjenamaan TVET Nasional.

"Saya difahamkan sambutan Minggu TVET Negara tahun ini bermula sejak Sabtu lalu dengan pengisian yang bermanfaat seperti seminar dan forum membabitkan pelbagai kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta pihak industri," katanya.

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin cipta jam matahari

FOTO: PSMZA

Peredaran masa
diukur melalui
pergerakan matahari

Oleh RAHAYU MUSTAFA
DUNGUN

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) melakar sejarah tersendiri apabila menjadi politeknik pertama dalam negara berjaya menghasilkan jam matahari.

Pengarah PSMZA, Mohd Fikri Ismail berkata, projek itu merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) serta Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) PSMZA.

Menurut Mohd Fikri, jam matahari tersebut berjaya dihasilkan dalam tempoh sebulan dengan kerjasama pensyarah dan pelajar.

"Jam matahari adalah sejenis instrumen yang dicipta untuk mengukur peredaran masa melalui pergerakan matahari.

"Selain dengan perubahan pada kedudukan matahari, waktu yang ditunjukkan oleh bayang ini turut berubah," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambah Mohd Fikri, program ciptaan tersebut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM)

dan disempurnakan oleh Presiden RISM, Datuk Dr Azhari Mohamed.

Beliau berkata, jam matahari itu ditempatkan di kawasan dataran PSMZA untuk kegunaan warga politeknik bagi mendidik pelajar dan kakitangan supaya memahami kaedah pengiraan waktu zaman dahulu.

Kata Mohd Fikri, selain jam matahari, pihaknya turut membina arca *We Love PSMZA* sebagai tanda simbolik dan daya penarik kepada PSMZA.

"Arca ini dibina hasil kerjasama pensyarah dan pelajar dari Jabatan Pengajian Am (JPA) serta Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK).

"Pengurusan PSMZA sentiasa menyokong usaha seperti ini kerana selain melihat sebuah binaan yang akan menjadi salah satu tarikan di PSMZA, tersemat hubungan erat antara sesama warga PSMZA," katanya.



Azhari (dua dari kanan) menunjukkan cara bacaan masa menggunakan jam matahari di PSMZA.



Mohd Fikri (lima dari kiri) bersama kakitangan dan tetamu jemputan bergambar kenangan di arca *We Love PSMZA* yang baru dibina di politeknik berkenaan.

21 JUN 2022

SH | TIDAK PERLU GAJIKAN RAMAI PEKERJA |

Inovasi baharu kurangkan kebergantungan tenaga kerja

SHAH ALAM

Imbasan kod respons pantas (kod QR) di meja makan dan penggunaan robot antara inovasi teknologi digunakan pengusaha restoran bagi mengurangkan kebergantungan pekerja.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, menerusi imbasan kod QR, pelanggan boleh menempah makanan dan minuman, membayarnya secara terus dan mengambilnya sendiri di tempat disediakan.

"Sebelum ini, seorang pekerja restoran akan mengambil tempahan makanan dan minuman di meja pelanggan, manakala seorang lagi ditugaskan untuk menghantarnya.

"Kalau kita mahu membudayakan servis layan diri, pelanggan perlu mengambil sendiri makanan yang ditempahnya di tempat yang disediakan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Dari segi penggunaan robot pula, Jawahar Ali berkata, kaedah itu mempunyai kelebihan dan kekurangan, malah tidak semua pengusaha restoran mampu menggunakan teknologi tersebut.

"Kelebihan penggunaan robot ialah pengusaha restoran tidak memerlukan pekerja yang

Tidak perlu gajikan ramai pekerja



Tugas menghantar makanan atau minuman diambil oleh robot-robot sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja.



ramai untuk menghantar makanan dan minuman ditempah ke meja pelanggan.

"Tugas menghantar makanan atau minuman akan diambil oleh robot-robot ini. Dengan ini, kita boleh mengurangkan kebergantungan tenaga kerja manusia," ujarnya.

Dari segi kekurangan pula, katanya, kos untuk membeli sebuah robot adalah tinggi dan sukar bergerak di tempat-

tempat yang terdapat halangan.

"Sebuah robot berharga sekitar RM60,000 dan ini membebankan pengusaha restoran. Selain itu, apabila kerusi di restoran tidak teratur, robot-robot ini tidak boleh bergerak," jelasnya.

Jawahar Ali bagaimanapun berkata, sekiranya servis layan diri



JAWAHAR ALI

dijadikan norma baharu, penggunaan robot tidak diperlukan.

"Kalau kita boleh melaksanakan servis layan diri, tidak perlulah menggunakan robot. Imbas sahaja kod QR, pelanggan tempah, bayar dan boleh mengambil makanan dipesannya sendiri," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

24 JUN 2022

UTUSAN | BEKAS JURUTERA ELEKTRIK TAK MENYESAL JADI PETANI |

Bekas jurutera elektrik tak menyesal jadi petani



KEBUN Alif Haiqal di Kampung Tuan Sheh yang diusahakan selepas berhenti sebagai jurutera elektrik.

KOTA TINGGI: Seorang pemuda yang juga pemegang Ijazah Kejuruteraan Elektrikal di sini tidak pernah menyesal dengan keputusan untuk menceburi bidang pertanian.

Alif Haiqal Ibrahim, 32, kini telah lima tahun mengusahakan pelbagai tanaman kontan secara fertigasi di tanah seluas hampir satu hektar milik keluarganya yang terletak bersebelahan kediaman mereka.

Dia yang sebelum ini bekerja sebagai jurutera menggunakan modal kira-kira RM15,000 untuk membangunkan kebun yang kini mempatkan tanaman seperti bendi, peria katak, kacang botol dan cili.

“Saya pernah bekerja sebagai jurutera elektrik selama tiga tahun sebelum mengambil keputusan

memberi fokus dalam bidang pertanian. Masa itu sebelum berhenti saya sudah bangunkan sedikit demi sedikit kebun melalui kaedah fertigasi selepas sertai kursus.

“Alhamdulillah untuk sebulan sahaja kini saya mampu meraih pendapatan sehingga RM6,500 dengan mengusahakan semua tanaman yang ada ini berseorangan. Bahkan masa saya juga lebih tersusun berbanding kerja makan gaji sebelum ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Tuan Sheh Tanjung Sedili, di sini.

Dia tidak menafikan bekerja di kebun membuatnya lebih seronok kerana dapat melihat sendiri pokok yang disemai sehingga membesar di depan matanya dan mengeluarkan hasil.

Ber cerita lanjut, sistem fertigasi gantung yang diusahakan melibatkan 2,500 pokok bagi tanaman peria katak dan kacang botol.

“Saya mengusahakan empat plot tanaman. Semuanya perlu dirancang dengan teliti untuk tempoh setahun kerana ada waktunya kebun akan berdepan dengan situasi banjir, iaitu pada hujung tahun.

“Sebab itu saya menggunakan teknik tanaman gantung agar risiko tanaman terjejas dapat dikurangkan,”ujarnya.

Tambahnya agensi kerajaan seperti Pejabat Pertanian Kota Tinggi dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kota Tinggi Timur banyak memberi bantuan serta dorongan kepadanya untuk terus berjaya dalam bidang itu.

Orang muda kurang sabar nak kelihatan cantik, gemar pilih 'doktor gigi' palsu Pelajar IPT banyak jadi mangsa

Oleh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU YUSOFF

KUALA NERUS - Golongan muda khususnya pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di Lembah Klang dikesan paling ramai menjadi mangsa perkhidmatan pergigian tanpa bertauliah atau 'doktor gigi' palsu

Pengarah Kanan (Pergigian) Kementerian Kesihatan (KKM), Dr. Noormi Othman berkata, sehubungan itu, KKM akan mengambil inisiatif memberi kesedaran tentang bahaya mendapatkan perkhidmatan pergigian dengan individu tiada tauliah.

"Golongan muda khususnya pelajar IPT di Lembah Klang dikesan paling ramai menjadi mangsa



KERATAN Kosmo! 14 Februari 2022.

'doktor gigi' palsu terbabit. Mereka mempunyai keinginan mencuba (memakai pendakap gigi dan venir) tetapi kurang kesabaran untuk menunggu nombor giliran (di hospital kerajaan).

"Sudahnya mereka terpedaya dengan iklan-iklan di media sosial. Pihak terbabit menawarkan perkhidmatan rawatan gigi pada harga tidak masuk akal menerusi

Facebook, Instagram dan TikTok," katanya selepas melancarkan Kempen 'Katakan Tidak Kepada Doktor Gigi Palsu' di Universiti Malaysia Terengganu, di sini semalam.

Pada 14 Februari lalu, Kosmo! melaporkan, ramai yang obses dengan kecantikan gigi terpedaya apabila menjadi mangsa perkhidmatan doktor gigi tiada tauliah.

Dr. Noormi berkata, KKM mengesan 'doktor gigi' palsu tersebut menawarkan perkhidmatan pendakap gigi tiruan pada harga serendah RM200 jika dibandingkan harga sebenar antara RM2,000 dan RM6,000 untuk rawatan venir, manakala perkhidmatan pendakap gigi antara RM5,000 dan RM8,000.



DR. NOORMI (kiri) semasa Kempen 'Katakan Tidak Kepada Doktor Gigi Palsu' di Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus semalam.